

04/07/2004

TV sedang menguji menteri

By Noor Azam

DEBAT dan rungutan tentang program TV kita tak pernah sunyi. Dalam ruangan ini saya juga ikut menyentuh beberapa kali. Dengan bermacam-macam jenis peraduan dan penggunaan SMS, TV kita sudah pula jadi gelanggang mengadu nasib - judi zaman IT. `Perniagaan' ini eloklah diberhentikan segera.

Dalam masa dua bulan ini ia jadi lebih hebat kerana empat orang Menteri, termasuk Timbalan Perdana Menteri, sambut menyambut memberi pendapat dan juga arahan - ada yang keras bunyinya. Paling teruk kena serang ialah Astro. Kalau tak ada kesan juga lagi, kita boleh buka tangan dan angkat kaki. Maka elok benarlah kita teliti beberapa petikan laporan akhbar mengenai kenyataan para menteri kita itu.

Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir membuka gelanggang dengan "memberikan tempoh sebulan dari sekarang" kepada Astro supaya "mengkaji semula penayangan semua rancangannya yang mempunyai unsur-unsur ganas dan seks yang keterlaluan. Sekiranya gagal berbuat demikian, stesen televisyen satelit itu kemungkinan dikenakan tindakan undang-undang, termasuk dikaji semula lesen mereka."

Menurut laporan besar muka depan, MM 16 Mei 04 itu, Datuk Abdul Kadir berkata: "Beliau kini dalam proses mengkaji semula undang-undang dan peraturan sedia ada dalam memantau isi kandungan semua media termasuk Astro dan mana-mana stesen televisyen yang menayangkan rancangan yang berciri negatif."

Kata Datuk Abdul Kadir, "Hentikan. Ia kini dah keterlaluan, malah kadang-kadang hingga ke peringkat lucu."

Memang betul! Tetapi ukuran lucu atau tidak, ganas atau tidak, nampaknya amatlah sukar. Justeru pandangan dan teguran berbagai pihak, termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad semasa masih Perdana Menteri, tentang program seks dan ganas tidak pernah diberi perhatian yang serius. Malah macam disuruh-suruh pula. Dan penonton umumnya memang suka. Yang prihatin tak boleh berbuat apa-apa. Dunia dikuasai kaum pengusaha.

Dan bagi pengusaha TV dan radio swasta pula, penonton dan pendengar lebih penting daripada segala-galanya termasuk peraturan kerajaan, moral dan tatasusila dan pembinaan bangsa. TV dan radio swasta adalah usaha perniagaan yang bergantung kepada jumlah penonton/pendengar (rating) dan iklan.

Kata Menteri Penerangan lagi, " Nampaknya mereka menayangkan gambar ini begitu bebas sekali, sedang mereka tahu kita telah pun ada pelbagai peraturan, persefahaman, undang-undang, syarat-syarat lesen dan sebagainya yang begitu tegas dan jelas. Kita tidak hendak campur tangan, kita hendak beri kebebasan, tetapi mereka pun kena bertanggungjawab."

Beliau menegaskan, "Kita juga akan tengok balik kenapa Astro mendapat banyak sangat kebebasan." Rakyat sedang tengok apa yang kerajaan boleh buat.

Timbalan Perdana Menteri: Program tidak sesuai dengan masyarakat Timur dan agama Islam.

Langkah pembuka silat Datuk Abdul Kadir itu disambut oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid ketika menggulung perbahasan titah ucapan di Parlimen, bahawa: KHEDN akan membuat pemeriksaan ke atas kemudahan penapisan filem stesen Astro bagi memastikan stesen itu mematuhi garis panduan yang diluluskan oleh Menteri Dalam Negeri pada 10 Mei 1977.

Datuk Azmi menegaskan: Garis panduan itu juga mengandungi senarai filem-filem yang tidak boleh diluluskan tayangannya sekiranya ia mempunyai unsur

negatif, memudaratkan keselamatan, sosial budaya, ideologi, politik, agama, peradaban dan tatasusila. Beliau menambah, "LPF tidak menapis rancangan yang disiarkan oleh Astro tetapi sebaliknya dilakukan oleh kira-kira 100 penyunting stesen itu sendiri." (UM, 2hb Jun 04).

Berikutnya, pada majlis Pelancaran Semula Program Televisyen Alang Bijak pada 15 Jun 04, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib mengingatkan: Terlalu banyak program kanak-kanak yang diimport. Walaupun program itu dialihbahasakan dalam bahasa Melayu, tetapi ia tidak mencerminkan budaya tempatan. Program-program itu tidak sesuai dengan masyarakat Timur dan agama Islam.

Ditegaskan, "Kadang-kadang kita lihat dari segi bahasa yang digunakan dan tingkah laku mereka tidak sesuai dalam konteks membina sebuah bangsa yang sesuai dengan kehendak kita... mengikut acuan kita." (UM 16 Jun 04).

Walaupun Timbalan Perdana Menteri bercakap tentang program kanak-kanak, tetapi konsep yang sama juga tentulah merangkumi semua jenis program. Dan memanglah jika program itu diimport - umumnya dari Barat - kehendak Datuk Najib ini pasti tidak akan dapat dipenuhi, malah sentiasa bertentangan dan bermusuhan dengan cita-cita kita.

(END)